

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 August 2015

Harus yakin masa depan, tidak perlu rendah diri - PM

Potensi ASEAN lebih baik

Oleh **AZMAN IBRAHIM, KAMIL MASLIH** dan **SHEILA RANI CHANDRASEKARAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 4 OGOS**

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, komuniti ASEAN tidak perlu berasa rendah diri jika ada pihak memandang rendah terhadap keupayaan yang dimiliki negara-negara ahli.

Ini kerana katanya, laporan daripada kumpulan perbankan asing membuktikan potensi ASEAN adalah lebih baik daripada yang disangkakan.

"ASEAN seharusnya yakin terhadap masa depan dan lebih be-

rani. Kita percaya bahawa ini adalah masanya untuk suara kesatuan ASEAN didengari lebih kerap di peringkat dunia," katanya sewaktu berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan Timbalannya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

AMM membuka tirainya 1 Ogos lalu dan dijangka berakhir Khamis ini.

Tambah Perdana Menteri, satu daripada lapan keutamaan yang ditetapkan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN adalah meningkatkan peranan ASEAN sebagai pe-

main global dan meningkatkan daya tahan seni bina serantau.

Sehubungan itu katanya, tiada alasan untuk ASEAN tidak aktif berperanan dalam komuniti antarabangsa.

"Kita perlu melihat di luar sempadan kita, perlu tangani dan lakukannya bersama-sama," ujarnya.

Beliau memberitahu, pada waktu ini banyak isu perlu ditangani bersama-sama, negara ahli ASEAN seperti perubahan iklim, jenayah merentas sempadan, ancaman pengganas, migrasi dan isu pertindihan tuntutan.

Tambah Perdana Menteri, ASEAN juga tidak perlu berasa malu untuk mendekati dan berhubung dengan dunia luar.

Sebab itu jelasnya, mesyuarat dan perbincangan sepanjang minggu ini yang turut melibatkan hubungan ASEAN dengan Jepun, Kanada, Korea, Australia, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat (AS), China, Rusia dan India adalah amat penting dan wajar.

Malah katanya, hubungan ASEAN dengan dunia turut terjalin dengan 27 buah negara menerusi Sidang Kemuncak Asia Timur yang melibatkan 18 negara anggota serta Forum Serantau ASEAN.

"Sejarah membuktikan bahawa hubungan ASEAN dengan negara-negara jiran dan negara merentas benua adalah bukan lagi satu perkara baharu.

"Kewujudan komuniti ASEAN

bagaimanapun memberi peluang untuk mengubah kumpulan 10 buah negara ini kepada lebih baik dan membentuk tempat baharu dalam dunia.

Menurut Perdana Menteri, nilai dagangan tahunan dalam serantau ASEAN boleh mencapai AS\$1 trilion (RM3.8 trilion) dan nilai dagangan ASEAN dengan kumpulan empat negara iaitu AS, Eropah, Jepun dan China (G4) pula boleh mencecah AS\$3.7 trilion (RM14.3 trilion).

Katanya, pelaburan langsung asing (FDI) G4 ke dalam ASEAN akan terus berkembang kukuh kepada sekitar AS\$106 bilion (RM402.8 bilion) berikutan syarikat-syarikat asing merancang memperluaskan asas-asas pengeluaran di rantau ini.

um-5/8/2015